

Sumbangan Darul Quran (Jakim) Terhadap Pengajian al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan

Yusri bin Chek¹ & Sabri bin Mohamad²

Email: ¹yusrichek08@yahoo.com & ²sabri_m@ukm.edu.my

¹ Beliau adalah calon Ph.D di Fakulti Pengajian Islam(FPI), UKM dan pensyarah Darul Quran, Jakim.

² Beliau adalah Ketua Jabatan dan Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Penubuhan Darul Quran pada tahun 1966 adalah bertitik tolak sebagai sebuah institusi yang memperjuangkan ilmu-ilmu al-Quran khususnya dalam bidang tahfiz al-Quran. Malah, selain daripada memfokuskan pengajian bagi golongan biasa yang berpenglihatan, ia juga merangkumi kepada golongan OKU Penglihatan(OKUP). Justeru, kajian ini bertujuan melihat sumbangan Darul Quran terhadap pengajian al-Quran di kalangan Orang Kelainan Upaya Penglihatan. Di samping itu, kajian ini juga melihat secara ringkas perkembangan pengajian al-Quran OKU Penglihatan di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah dokumentasi, kepustakaan dan pensejarahan dalam mengumpul data kajian. Manakala, kaedah deskriptif digunakan dalam menganalisa data kajian. Kajian mendapati bahawa sememangnya Darul Quran telah banyak menyumbang terhadap perkembangan pengajian OKUP khususnya dalam Braille al-Quran. Ia meliputi sumbangannya dalam perkongsian kepakaran bersama agensi-agensi luar, penawaran program pengajian, bekerjasama dalam memperkukuhkan pengajian melalui program pengajian dengan institusi pengajian tinggi yang lain, menyemarak dan memperkukuhkan kajian berkaitan Braille al-Quran serta melalui sumbangan graduan alumni Darul Quran. Selain itu, penulis juga berharap agar pengkaji akan datang dapat meluaskan lagi aspek kajian kepada kajian terhadap pengajian al-Quran bagi OKU yang lain selain daripada OKU Penglihatan.

Kata Kunci: *Darul Quran, OKUP, Penglihatan, Braille dan al-Quran*

Abstract

The establishment of Darul Quran in 1966 is starting as institution that striving the knowledge of Quran especially in memorization of the Quran. Indeed, apart from the usual focus of study for the sighted, it also includes the Disabled Visually Impaired (OKUP). Thus, this study aims to look at Darul Quran contribution in the Quran studies among the Disabled Visually Impaired. In addition, the study also looked briefly into the history and development of Quran learning among Disabilities Visually Impaired in Malaysia. Method used in this study is qualitative as such as method of documentation, literature and historiography in collecting data. Meanwhile, descriptive methods used in analyzing the data of studies. This study found that Darul Quran has contributed much to developes OKUP education especially in Braille al-Quran. It includes contributions in sharing expertise with others agencies, offering programs of study, strengthen the cooperation in education through education programs with other higher education institutions, to ignite and strengthen the research related to Braille al-Quran and through the contributions of Darul Quran graduates Therefore, the authors hope to be able to expand the research in future on learning Quran for disabled persons with other kind disabilities rather than focusing on sight disabilities only.

Keywords: *Darul Quran, OKUP, Visually Impaired, Braille and the al-Quran*

1. Pendahuluan

Pengajian al-Quran dalam kalangan Orang Cacat Penglihatan (Wong Huey Siew: 2006) atau Orang Kurang Upaya Penglihatan (OKUP) dalam aspek pengajian al-Quran Braille (Hajah Noraesah bt. Baharom. et. al.: 2005) di Malaysia tidaklah terlalu terkebelakang berbanding negara-negara Asia Tenggara yang lain. Menurut Wong Huey Siew (2006) menyatakan bahawa “Dalam konteks pendidikan khas, pelajar istimewa memerlukan bahan-bahan bacaan atau rujukan, teknik pengajaran, peralatan dan perkhidmatan khas. Umpamanya, pelajar cacat penglihatan memerlukan bahan bacaan yang tulisannya telah diperbesarkan atau Braille.” Antara cabaran yang dihadapi dalam pengajian al-Quran Braille kini ialah kekurangan bahan bantu mengajar termasuklah naskhah mushaf al-Quran Braille itu sendiri. Menurut Hajaratul Bahti binti Zakaria et.al (2010) menyatakan bahawa Isu guru pendidikan Islam menghadapi masalah kekurangan bahan bantu mengajar dalam tilawah al-Quran kerana kebanyakan bahan rujukan dalam tulisan Braille hanya didapati untuk mata pelajaran lain, bagi mata pelajaran pendidikan Islam khususnya teks-teks al-Quran dan bahan rujukan tajwid tidak didapati dalam tulisan Braille. Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999) pula mengatakan bahawa guru-guru perlu memperbaiki dan meningkatkan teknik pengajaran, penggunaan alat bantuan mengajar dan pendekatan pengajaran mereka. Namun, usaha berkaitan memperkasakan pengajian tersebut perlu digiatkan dari masa kesemasa. Penubuhan Darul Quran sebagai salah satu institusi yang bernaung dibawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(Jakim) telah mengorak langkah dalam mempergiat dan menyemarakkan lagi usaha dan penambahbaikan pengajian tersebut.

2. Latar belakang Darul Quran

Penubuhan Darul Quran bermula pada tahun 1966 apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia melahirkan hasrat untuk mewujudkan sebuah Institut Pengajian al-Quran di Malaysia. Hasrat ini telah dinyatakan semasa perasmian Masjid Negara di mana idea ini timbul ekoran daripada Majlis Musabaqah al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta lawatan Rektor Universiti al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut sempena perasmian Masjid Negara (Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran 2016).

Sebagai permulaan, Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat ditubuhkan sebagai salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran 2016) Bilangan pelajar pada masa itu seramai 8 orang sebagai perintis yang dipilih dan dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia (Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran 2016: 19) .

Pada tahun 1966 hingga 1978, kelas pengajian ini diletakkan di bawah kelolaan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan pada 1972 kelas ini diberi nama sebagai Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat. Manakala, pada awal tahun 1979, Maahad Tahfiz ini diletakkan pula di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri hingga tahun 1980. Selepas itu, Maahad Tahfiz dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33, Jalan Chenderasari, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri hingga tahun 1983. Pada tahun 1984, Maahad Tahfiz telah lahir sebagai sebuah cawangan di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan memiliki organisasinya yang tersendiri (Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran 2016)

Pada tahun 1990, Maahad Tahfiz telah memulakan pengambilan pertama pelajar perempuan seramai 12 orang dan ditempatkan di Jalan Ledang. Selepas itu, pada tahun 1992. Maahad Tahfiz kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr Ismail bagi pelajar lelaki. Manakala pada tahun 1994, pelajar perempuan dipindahkan ke Taman Tun Dr Ismail manakala pelajar lelaki dipindahkan ke Batu 14, Sungai Semunggis, Hulu Langat, Selangor (Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran 2016: 19).

Setelah itu, iaitu pada tahun 1997, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat telah dinaik taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan diberi nama Darul Quran. Manakala pada 1 November 1998, Darul Quran ditempatkan di kampus tetap di Kompleks Darul Quran, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor (Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran 2016: 21)

Darul Quran berfungsi dalam menjalankan program pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qiraat di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah. Disamping itu, Darul Quran juga membantu pihak berkuasa agama negeri dalam melaksanakan program-program kursus dan latihan yang berkaitan dengan pengajian Al-Quran. Malah, Darul Quran juga berfungsi merancang dan melaksanakan program pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qiraat secara bersistem serta berkualiti. Selain itu, Darul Quran juga berfungsi merancang dan menjalankan kursus dan latihan kepada kumpulan tenaga manusia yang memerlukan kemahiran dalam bidang Al-Quran.

Manakala, program pengajian yang dijalankan di Darul Quran adalah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah (USIM-DQ), Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat, Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UIAM, Pensijilan Tahfiz Al-Quran Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP), Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran (STTQ), Sijil Tahfiz Malaysia (STM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

3. Pengenalan Pengajian al-Quran OKU Penglihatan di Malaysia

Sejarah awal pendidikan rasmi OKU Penglihatan di Tanah Melayu bermula seawal tahun 1926 dengan tertubuhnya sebuah rumah kebajikan untuk kanak-kanak cacat dan cacat penglihatan di Melaka oleh mubaligh Kristian. (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif: 2013) Menurut Wong Huey Siew (2006) menyatakan bahawa "Di Malaysia, kanak-kanak cacat penglihatan memasuki institusi pendidikan formal sejak tahun 1926 iaitu selepas tertubuhnya St. Nicholas Home di Melaka". Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1931, rumah ini dipindahkan ke Pulau Pinang. Rumah ini masih wujud sehingga ke hari ini dan dikenali sebagai St. Nicholas Home. Fokus utama rumah ini ialah terhadap kebajikan kanak-kanak cacat penglihatan tanpa mengira bangsa dan agama (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 2013).

Pada tahun 1941, tadika utama untuk OKU Penglihatan telah dimulakan dengan 28 orang kanak-kanak. Dengan itu, St. Nicholas Home menjadi institusi pertama di Malaya yang menawarkan pendidikan dan pemulihan secara formal kepada OKU Penglihatan diperingkat pra Sekolah. Tahun-tahun berikutnya menyaksikan pembangunan dalam sistem persekolahan yang ditawarkan yang mencakupi pendidikan diperingkat sekolah rendah. Kejayaan yang dicapai oleh pelajar lepasan St. Nicholas Home telah membantu membangunkan institusi ini dan mendapatkan bantuan dan dana daripada pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta. Pada 30 April 1997, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memindahkan sekolah rendah di institusi ini ke premis baharu di Alma, Bukit Mertajam dengan bantuan kerajaan sepenuhnya (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 2013).

Daripada aspek kebajikan OKU Penglihatan pula, usaha telah bermula pada tahun 1946 lagi yang membawa kepada perlantikan Pegawai Kebajikan Orang Buta (Blind Welfare Officer) yang ditempatkan di Jabatan Kebajikan Sosial yang baru sahaja ditubuhkan. Pada bulan Julai 1947, Major D.R Bridges yang juga seorang OKU Penglihatan telah dilantik menggalas jawatan ini. Beliau yang telah memainkan peranan yang penting dalam segala aspek berkaitan kebajikan OKU Penglihatan di Tanah Melayu ketika itu dan turut menyertai beberapa siri persidangan yang dianjurkan UNESCO mengenai penyeragaman Kod Braille Bahasa Arab. Beliau juga terlibat secara langsung dalam penyediaan laporan *Blindness in Malaya* yang merupakan dokumen rasmi pertama seumpamanya di negara ini (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 2013).

Pada bulan November 1951, Persatuan bagi orang buta (Malayan Association for the

Blind atau pada hari ini Malaysian Association for the Blind atau MAB) telah ditubuhkan atas inisiatif Major D.R Bridges. Persatuan bukan kerajaan ini bertujuan memperjuangkan kebajikan OKU Penglihatan di negara ini dalam semua aspek termasuk pendidikan dan latihan. Antara inisiatif yang diusahakan oleh MAB termasuklah penubuhan Gurney Training Centre di Kuala Lumpur, Princess Elizabeth School di Johor Bahru,(<http://www.kosmo.com.my>: 2016) Unit Penerbitan Braille dan sebagainya. Pada hari ini, MAB masih meneruskan usahanya memperjuangkan kebajikan OKU Penglihatan di Malaysia dan memperluaskan skop perkhidmatannya selaras dengan perkembangan terkini dalam bidang teknologi dan keperluan masyarakat semasa.(Muhammad Mustaqim Mohd Zarif: 2013)

Malaysia merupakan antara negara Islam terawal di rantau Asia Tenggara yang mendapat pendedahan mengenai al-Quran Braille. Peranan penting yang dimainkan oleh Tanah Melayu dalam proses penyeragaman Kod Braille Bahasa Arab pada akhir separuh pertama abad ke-20 diperingkat antarabangsa telah mendekatkan negara ini dengan negara-negara Arab yang berkecimpung dalam penulisan al-Quran Braille, terutamanya Jordan. Penerbitan Mushaf Braille buat pertama kalinya oleh Jordan pada tahun 1952 telah membuka lembaran sejarah yang baharu dalam memartabatkan al-Quran kepada golongan OKU Penglihatan (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 2013: 65)

Walau bagaimanapun, disebalik senario dan perkembangan yang ada ketika itu, tidak diketahui dengan jelas kewujudan dan pembelajaran al-Quran menggunakan Braille di Malaya. Justeru, dengan penyerahan mushaf Braille hadiah daripada kerajaan Jordan kepada Princess Elizabeth School pada tahun 1954 telah membuka tirai kearah eksplorasi dan pendidikan al-Quran menggunakan Braille di Malaysia (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 2013: 68).

Tanah Melayu turut menerima senaskhah mushaf Braille tersebut sebagai hadiah juga pada awal dekad 1950-an (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif 2013:65). Ada yang mengatakan Al-Quran Braille pertama di Malaysia ialah pada 1952. Ia dibawa masuk dari Jordan, mempunyai 30 juzuk dan dibahagi kepada 6 jilid (<http://kopi-n-pes.blogspot.my>, 2014). Tidak diketahui siapakah yang menyimpan mushaf tersebut diperingkat awal, namun menjelang tahun 1954, mushaf tersebut telah diserahkan kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SPKPK) Princess Elizabeth di Johor Bahru untuk tujuan simpanan dan pengajaran. Dipercayai bahawa al-Quran Braille yang diterbitkan oleh Jordan pada tahun 1952 tersebut adalah lengkap sebanyak 30 juzuk yang dibahagikan kepada 6 jilid. Walau bagaimanapun, pada hari ini jilid pertama mushaf Braille berkenaan yang masih tinggal dan ia berada dalam simpanan pihak PERTIS. Keadaan fizikal mushaf ini juga sudah uzur dimamah usia selain menunjukkan kesan penggunaan yang kerap. Kebanyakan titiknya juga sudah tenggelam dan menyukarkan pembacaannya.(Muhammad Mustaqim Mohd Zarif: 2013)

Kemunculan dan keberadaan mushaf Braille tersebut boleh kita katakan sebagai titik tolak dan pencetus kepada pengajian Braille al-Quran di Malaysia serta ianya berkembang dari masa ke semasa.

4. Sumbangan Darul Quran terhadap pengajian al-Quran Orang Kurang Upaya Penglihatan.

Apabila menyentuh tentang sumbangan Darul Quran terhadap pengajian OKU Penglihatan, ia seolah-olah amat sinonim dan menampakkan impak yang besar terhadap perkembangan pengajian tersebut. Antara sumbangan yang dapat dinyatakan sebahagiannya di sini ialah:

i) Perkongsian Kepakaran bersama agensi-agensi luar

Kekurangan naskhah al-Quran Braille di sekolah-sekolah boleh merencat dan menyukarkan perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran khususnya di sekolah pendidikan khas. Menurut Hajaratul Bahti binti Zakaria. et.al(2010) menyatakan bahawa cuma naskhah al-

Quran Braille yang bilangannya agak terhad sahaja yang digunakan oleh pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Pendidikan Khas ini. Buku teks Pendidikan Islam juga tidak ditulis dalam tulisan Braille berbanding buku teks mata pelajaran yang lain. Hal ini menyukarkan guru dan pelajar bermasalah penglihatan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran dalam kemampuan mereka yang sangat terbatas. Hal ini memerlukan kerjasama semua pihak dalam usaha memperbanyakkan bahan-bahan rujukan tilawah al-Quran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya menggunakan kod Braille. (Hajaratul Bahti binti Zakaria. et.al: 2010)

Oleh itu, disamping berkongsi kepakaran dalam bidang tahfiz al-Quran, Darul Quran juga telah berkongsi kepakaran dalam Braille al-Quran samada secara langsung atau tidak langsung. Dengan adanya perkongsian ini, secara tidak langsung Darul Quran mampu membantu mengurangkan masalah kekurangan bahan bercetak Braille khususnya mushaf al-Quran. Menurut Muhammad Mustaqim Mohd Zarif(2013) mengatakan langkah berikutnya menyaksikan usaha PERTIS mengadakan perbincangan dengan pihak berautoriti dalam hal ehwal agama Islam di negara ini iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(Jakim). Hasilnya satu jawatankuasa kerja penyemakan al-Quran Braille telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996. Darul Quran yang merupakan salah sebuah bahagian dibawah Jakim diberi tanggungjawab untuk melaksanakan urusan semakan tersebut. Ustaz Azhari bin Othman, pensyarah Darul Quran dilantik sebagai pengerusi. Jawatankuasa tersebut turut dianggotai oleh tujuh orang pelajar Darul Quran yang berpenglihatan dan tidak berpenglihatan yang mempunyai kemahiran dalam ilmu al-Quran iaitu Adlan bin Saidin, Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim, Mohd. Hanapizi bin Abdullah, Mohd. Azam bin Che Yusuf, Mohd Zulkifli bin Mamat, Mohd. Salleh bin Ya'cob dan Fatimahwati binti Hj. Napiah.

ii) Penawaran program pengajian

Darul Quran telah mengambil langkah yang penting dengan menawarkan pengajian diperingkat sijil khususnya bagi bidang tahfiz dan OKU Penglihatan dalam usaha memartabatkan pengajian Braille al-Quran di Malaysia. Program pengajian tersebut ialah program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan(OKUMP). Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 dengan pengambilan seramai 18 orang pelajar. Calon yang berkeelayakan diperingkat sijil akan ditawarkan mengikuti pengajian diperingkat diploma pada tahun berikutnya. (*Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran: 2016*) Berikut adalah butiran program tersebut:

► Kelayakan Masuk

- i) Terbuka kepada kepada Warganegara Malaysia beragama Islam yang mempunyai masalah penglihatan dalam kategori Orang Kurang Upaya(OKU).
- ii) Berkebolehan menaip dan membaca al-Quran Braille.
- iii) Mempunyai minat yang tinggi untuk belajar.
- iv) Bersedia mengikuti kursus.
- v) Sihat tubuh badan dan mental yang baik.
- vi) Lulus ujian temuduga.
- vii) Berumur antara 18 hingga 25 tahun.

► Struktur Program

Tempoh Pengajian - Tempoh pengajian bagi program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran ialah selama 12 bulan.

Kursus Pengajian - Kursus pengajian beserta jam kredit yang ditawarkan mengikut kumpulan pelajar adalah seperti berikut:

a) Semester Satu:

BIL.	KURSUS	KREDIT
1	Hifz Al-Quran	4
2	Tajwid Ilmi	2
3	Al-Quran Braille	2
4	Bahasa Arab I	2
5	Aqidah	1
6	Fiqh	1

b) Semester Dua:

BIL.	KURSUS	KREDIT
1	Hifz Al-Quran	4
2	Tajwid Amali	1
3	Bahasa Arab II	4
4	Tafsir	1

► Peperiksaan

Peperiksaan akan diadakan bagi semua subjek yang diambil untuk menentukan pelajar layak masuk ke program diploma dengan mendapat sekurangya maqbul. Taraf sijil yang dikurniakan Mata Timbunan (CGPA) berikut :

MARKAH	TARAF
80 - 100	Amat Cemerlang (Mumtaz)
70 - 79	Cemerlang (Jayyid Jiddan)
60 - 69	Kepujian (Jayyid)
40 - 59	Lulus (Maqbul)
0 - 39	Gagal (Rasib)

iii) Bekerjasama dalam memperkukuhkan bidang pendidikan Islam melalui program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi yang lain

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian, dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar, dan negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Suzalie Mohamad: 2003).

Justeru, Darul Quran juga telah bekerjasama dalam memperkukuhkan bidang pendidikan Islam khususnya dalam pengajian Braille al-Quran. Ia diterjemahkan melalui program pengajian dengan kerjasama institusi pengajian tinggi yang lain iaitu USIM dengan menjalankan program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah(Kepujian). Program ini adalah antara salah satu program yang menawarkan pembelajaran al-Quran Braille sebagai satu subjek kepada pelajar-pelajarnya. Menurut Muhammad Mustaqim Mohd Zarif(2013) mengatakan "Disebalik usianya yang masih muda, USIM menerusi Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah mengambil inisiatif dan langkah berani untuk menawarkan pembelajaran al-Quran Braille kepada pelajar-pelajarnya. Idea yang tercetus pada tahun 2005 disusuli dengan penyelidikan untuk mengenalpasti kaedah dan sukatan pelajaran yang bersesuaian. Beberapa orang pensyarah yang berminat dikenalpasti dan mengikuti latihan dan kursus yang berkaitan. Hasilnya mulai semester II sesi pengajian 2007/2008, subjek yang diberikan nama "Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah" telah mula ditawarkan kepada 81 orang pelajar di fakulti tersebut."

Secara tidak langsung program pengajian ini akan mampu memberikan pendedahan dan latihan terhadap bakal tenaga pengajar al-Braille di sekolah-sekolah yang mana negara kita sendiri masih menghadapi kekurangan kepakaran dalam bidang tersebut. Menurut Hajaratul Bahti binti Zakaria (et.al. 2010) menyatakan bahawa "Isu guru yang tidak mahir kod Braille al-Quran dilihat berpunca daripada latihan perguruan yang diterima sebelum ditempatkan untuk bertugas di sekolah khas. Ini kerana semua guru yang terlibat dengan pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Masalah Penglihatan hanya mengikuti latihan perguruan untuk bidang pendidikan Islam dan tidak diberi pendedahan terhadap bidang pendidikan khas. Ini menyebabkan kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran menggunakan kod Braille untuk mengajar pelajar-pelajar bermasalah penglihatan" (Hajaratul Bahti binti Zakaria et.al. 2010). Oleh itu, Darul Quran telah mengambil langkah yang tepat melalui kerjasama bersama USIM dalam menawarkan program pengajian tersebut.

iv) Menyemarak dan memperkukuhkan kajian berkaitan Braille al-Quran

Disamping membantu menawarkan program yang berkaitan dengan Braille al-Quran, Darul Quran juga membantu dan bekerjasama dalam kajian berkaitan dengan OKU Penglihatan. Ia adalah melalui kerjasama dengan beberapa pensyarah Universiti dalam menyalurkan maklumat dan kepakaran berkaitan dengan pengajian tersebut terutamanya maklumat dan kepakaran yang berkaitan dengan Darul Quran. Anataranya kerjasama dalam membantu pasukan kajian yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Kajian yang dijalankan adalah kajian yang berkaitan dengan Braille al-Quran.

v) Sumbangan melalui graduan alumni Darul Quran

Sumbangan Darul Quran secara tidak langsung juga adalah melalui sumbangan graduan alumni Darul Quran. Terdapat graduan Darul Quran yang terdiri daripada pelajar yang berpenglihatan yang mahir dengan Braille al-Quran dan graduan OKUMP yang terlibat dengan mengajar secara langsung di sekolah-sekolah. Justeru, graduan-graduan yang terlatih dengan kaedah Braille al-Quran akan mampu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mantap. Menurut

Mohd. Yusuf Ahmad(2000) mengatakan "...Begitu juga dalam pengajaran dan pembelajaran, ia memerlukan kaedah dan teknik yang sesuai untuk mendapat kesan yang lebih mantap."

Selain daripada itu, graduan alumni Darul Quran juga terlibat dalam semakan al-Quran Braille sama ada secara langsung atau tidak juga terlibat sebagai panel semakan teks al-Quran di Kementerian Dalam Negeri KDN. Menurut Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2013) mengatakan bahawa "Kepakaran dalam kedua-dua aspek Braille al-Quran dan ilmu-ilmu penulisan dan penandaan al-Quran dijadikan landasan kukuh untuk mencadangkan pembangunan standard penulisan al-Quran Braille berdasarkan kaedah Rasm 'Uthmani di Malaysia. Usaha ini juga selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa semakan al-Quran Braille PERTIS di Darul Quran, Jakim yang menekankan peri pentingnya menghasilkan al-Quran Braille berdasarkan kaedah Rasm 'Uthmani untuk memastikan ketepatan bacaan selain mengelakkan kesilapan dan kesalahan. Walaupun usaha kecil-kecilan telahpun dimulakan secara dalaman, namun kerjasama dan komitmen daripada pihak berwajib terutamanya KDN dan Jakim dalam melaksanakan dan merealisasikan perkara ini amatlah diperlukan."

5. Penutup

Sesungguhnya Darul Quran telah berusaha mengorak langkah bagi memantapkan program tahfiz semenjak 50 tahun yang lalu. Ia bermula sebagai sebuah kelas tahfiz biasa yang bertempat di Masjid Negara yang kemudiannya berkembang sehingga menawarkan program Tahfiz sendiri hingga ke peringkat Diploma. Oleh itu, sumbangannya cukup besar sejajar dengan panjangnya tempoh waktu penubuhannya iaitu semenjak tahun 1966 lagi. Malah, sumbangannya dalam bidang tahfiz bukan sahaja kepada golongan biasa, malah juga melibatkan golongan Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan. Buktinya boleh dilihat melalui perkongsian kepakaran bersama agensi-agensi luar, malah ia juga boleh dilihat berdasarkan program-program pengajian yang ditawarkan. Disamping itu, Darul Quran juga bekerjasama dalam memperkukuhkan bidang pendidikan Islam melalui program pengajian melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi yang lain. Lebih dari itu, graduan-graduan alumni lepasan Darul Quran juga turut memperluaskan sumbangan kepada pihak-pihak luar yang memerlukan kemahiran dan kepakaran dalam bidang Braille al-Quran.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abdullah Muhamad Zin et.al. 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: DBP

Al-Sayuti. Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Sayuti. t.t. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, j.1, Beirut: Dar wa Maktabah al-Hilal

Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad b. 'Abd Allah al-Zarkasyi. 1957. *Al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*, Tahqiq: Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath

Al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim al-Zarqaniy. 1995. *Manahil 'Irfan fi 'Ulum al-Quran*, Tahqiq: Ahmad Fawwaz Zamaraliy, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabiyy

Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran. 2016. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia..

Hajah Noraesah bt. Baharom. et. al. 2005. *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hajaratul Bahti binti Zakaria. et.al. 2010. Proceeding of The 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI. "Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan." Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.

- Hasnan bin Kasan. 2008. *Pendidikan Remaja Muslim*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Kertas Kerja Cadangan menjenamakan semula Program Sijil Tahfiz OKUMP kepada Sijil Asas
Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim
- Manna' Khalil al-Qattan. 1998. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Cet 2. Beirut: Mu'assasah al-
Risalah
- Muhamad Shadid. 1994. *Metodologi al-Quran dalam Pendidikan*. (Terj.) Osman Khalid. Bangi:
UKM
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2013. *Braille al-Quran. Sejarah dan Kaedah*. Negeri
Sembilan: Penerbit USIM
- Muhd. Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit
Universiti Malaya. h. 187
- n.a. 2002 *Nizam Braille 'Arabi al-Mutawwar*. Riyadh: Matabi' Khadim al-Haramain al-Sharifain li
Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif bi Tariqah Braille
- Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan
Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Suzalie Mohamad. 2003. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut
Kefahaman Islam Malaysia
- Wong Huey Siew. 2006. *Persekitaran Pembelajaran Pelajar Cacat Penglihatan di Malaysia*.
Kuala Lumpur: Unit Penerbitan ISM
- Laman Web, <http://kopi-n-pes.blogspot.my/2014/05/al-quran-braille-di-malaysia.html>. 28 Mei
2014.
- Laman Web, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0905&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm. 5 September 2016